

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI rancang wujud Pusat Inovasi Negara	Harian Metro
2.	YBTM Quotes	Harian Metro
3.	Karnival tingkat kesedaran sains, teknologi, inovasi	Berita Harian
4.	Ekspo Saintis Muda Perak jadi acara tahunan	Utusan Malaysia

MOSTI rancang wujud Pusat Inovasi Negara

Serdang: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merancang untuk mewujudkan Pusat Inovasi Negara yang antara lain akan mengumpulkan semua produk inovasi tempatan bagi tujuan pengkomersialan.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pusat berkenaan dijangka berfungsi sebagai tempat rujukan dan pengumpulan produk inovasi bagi memudahkan industri membuat pilihan.

"Kami merancang mewujudkan lokasi seumpama ini untuk

memberi laluan mudah kepada penggiat industri mendapatkan dan membandingkan produk inovasi dihasilkan dengan lebih mudah.

"Ia dijangka tidak terhad untuk produk inovasi hasil penyelidikan institusi pengajian tinggi (IPT), tetapi memberi ruang kepada semua pusat penyelidikan tempatan," katanya selepas majlis pembukaan Forum Buluh-Buluh Futuristik di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Menurutnya, penubuhan



DR Abu Bakar

pusat berkenaan masih dalam peringkat perbincangan dan ia dijangka dapat diwujudkan ke arah menjadikan 2014 sebagai tahun pengkomersialan pro-

duk inovasi.

"Selain mengetengahkan produk inovasi, pusat ini juga memberi ruang kepada usahawan mengembangkan operasi mereka ke pasaran lebih luas terutama di luar negara dengan kerjasama pihak industri atau usahawan lain," katanya.

Sementara itu, majlis sama turut menyaksikan UPM menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Yayasan Inovasi dan Keusahawanan Global (GIEF) untuk pembabitan dalam hasil ciptaan inovasi buluh berteknologi tinggi.

Majlis sama turut menyaksikan MoU antara GIEF dengan penganjur Pameran Buluh Dunia Damyang 2015 yang akan diadakan di Damyang, Korea tahun depan.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 44
TARIKH: 16 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

**Datuk Dr Abu Bakar
Mohamad Diah**
*Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi*

MOSTI merancang
untuk mewujudkan
Pusat Inovasi Negara
yang antara lain akan
mengumpulkan
semua produk inovasi
tempatan bagi tujuan
pengkomersialan”



Karnival tingkat kesedaran sains, teknologi, inovasi

Kuala Lumpur: Selaras usaha meningkatkan tahap kesedaran terhadap sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan pelajar, belia serta komuniti setempat, satu karnival akan diadakan di dua sekolah menengah, di sini.

Dinamakan Karnival Kreativiti dan Science4U, ia akan diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Keroh pada 18 September dan SMK Tun Haji Abdul Malek, 21 September ini.

Karnival anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu dijangka menarik penyertaan lebih 2,000 pelajar.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Melatie Aziz, berkata program itu diadakan sempena pengisytiharan Tahun Dekad Inovasi (2010-2020) dan program Gerakan Inovasi Nasional.

Dedah realiti dunia sains
“Semua aktiviti yang dilaksanakan ketika karnival adalah khusus untuk membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan

“Program ini juga akan menjadi medan terbaik bagi kementerian untuk menyalur dan berkongsi ilmu mengenai sains, teknologi dan inovasi dengan masyarakat setempat”

Melatie Aziz,
Pegawai Perhubungan
Awam MOSTI

generasi muda serta memberi pendedahan kepada mereka terhadap realiti sebenar dunia sains dan teknologi.

“Program ini juga akan menjadi medan terbaik bagi kementerian untuk menyalur dan berkongsi ilmu mengenai sains, teknologi dan inovasi dengan masyarakat setempat,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Karnival ini dijangka dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Idris Haron dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Hadiyah menarik menanti peserta dan pengunjung bertuah melalui beberapa pertandingan yang dijalankan.

Antara pengisian menarik lain ialah pencerapan matahari, program MyBio@ School, demonstrasi roket air serta pameran interaktif.

Pelajar juga berpeluang mengikuti latihan melalui bengkel Aeromodeling dan robotik yang dikendalikan oleh MOSTI.

FAKTA NOMBOR

2,000

pelajar

dijangka menyertai Karnival Kreativiti dan Science4U.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA : MUKA SURAT 33
TARIKH: 16 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

Ekspo Saintis Muda Perak jadi acara tahunan

TANJUNG MALIM 15 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menjadikan Ekspo Saintis Muda Perak yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, sebagai acara tahunan dalam usaha melahirkan lebih ramai saintis baharu negara pada masa hadapan.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, program tersebut yang kali terakhir diadakan dua tahun lalu akan dilaksana dengan kerjasama UPSI dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak.

Menurut beliau, menerusi kerjasama itu pihak-pihak terlibat akan menggembung segalanya kepadaan dan kemudahan yang dimiliki mereka untuk menjadikannya lebih menarik serta mampu menyebarluaskan minat pelajar terhadap sains dan teknologi.

"UPSI mempunyai tenaga kepadaan yang bagus. Kita pulak ada peralatan dan kemudahan untuk membuat pameran dan Jabatan Pelajaran pula boleh menggalakkan usaha ini dalam kalangan pelajar. Hasilnya, kita mampu menyumbur dan memperkasaan lagi budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat," katanya dalam sidang akhbar selepas menutup Ekspo Saintis Muda Perak 2013 di Fakulti Sains Dan Matematik UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City, di sini hari ini.

Abu Bakar berkata, setiap tahun pihaknya menyediakan peruntukan besar bagi mengadakan pelbagai program seumpama itu bertujuan menarik minat lebih ramai pelajar kepada sains dan teknologi.

"Saya lihat pelajar bukan tidak berminat dengan sains tapi terpengaruh dengan kawan-kononnya bidang sains ini susah. Sedangkan mereka tidak tahu sains merupakan peneraju kepada ekonomi sebuah negara," katanya.